

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 17 APRIL 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	KAJIAN SAINTIFIK, PEMASARAN NANGKA MADU DIPERTINGKAT, NASIONAL, SH -3 PEMASARAN NANGKA MADU DITINGKAT, DASAR & PENTADBIRAN, BH -8 NILAI PENGELUARAN TKPM LANCHANG LEPASI SASARN, DALAM NEGERI, UM -22 PERLU SEIMBANG DALAM KESELAMATAN SIBER, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -E2 FOOD BANK RINGANKAN KOS SARA HIDUP PENDUDUK, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -4	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6. 7.	PPM TANGKAP NELAYAN INDONESIA, RAMPAS BOT, NASIONAL, SH -12 FISHERMEN MARKET TO GET RID OF MIDDLEMAN, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A4	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8. 9. 10. 11. 12.	PERMOHONAN LESEN SAMPAN KHAS DITELITI, SENTRAL, SH -22 ISU CEROBH PERAIRAN DIBAWA KE KABINET, SENTRAL, SH -22 PERMOHONAN NELAYAN AKAN DITELITI, NEWS, SINAR HARIAN (UTARA) -34 SOKONG BAWA ISU PENCEROBOHAN NELAYAN ASING KE KABINET, NEWS, SINAR HARIAN (PANTAI TIMUR) -18 ISU CEROBH PERAIRAN KE KABINET, NEWS, SINAR HARIAN (UTARA) -34	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
13.	MOHD AMAR: K'JAAN NEGERI PERTIMBANG WAKIL DALAM KADA, MALAYSIA KINI -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
14. 15. 16.	PAHANG KAJI SYOR EKSPORT TEMPOYAK, ISU, BH -14 SOROK TELUR AYAM, SETEMPAT, HM -32 ISU PENCEMARAN NAJIS BABI SELESAI MENJELANG HUJUNG TAHUN -EXCO, MALAYSIA KINI -ONLINE	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	3

Kajian saintifik, pemasaran nangka madu ditingkatkan



Salahuddin (dua dari kiri) menunjukkan kualiti isi buah nangka ketika melawat ladang nangka di TPKM Lanchang semalam.

TEMERLOH - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan terus memfokuskan kepada usaha mengembangkan pemasaran dan aktiviti kajian saintifik tanaman nangka madu J33.

Menterinya Datuk Salahuddin Ayub berkata, nangka jenis itu mempunyai potensi pasaran yang luas kerana rasanya lebih enak dan berkhasiat.

“Kadar eksport dan permintaan nangka amat tinggi khususnya dari negara Eropah. Kementerian akan terus memfokuskan kepada penanaman nangka J33,” katanya selepas program tinjauan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Lanchang di sini semalam. - *Bernama*.

Pemasaran nangka madu ditingkat

Temerloh: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan terus memfokuskan kepada usaha mengembangkan pemasaran serta aktiviti kajian saintifik terhadap tanaman nangka madu, J33.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, menyifatkan nangka J33 mempunyai potensi pasaran yang luas kerana rasanya lebih enak dan berkhasiat.

"Kadar eksport dan permintaan nangka dari negara ini amat tinggi khususnya dari negara di Eropah. Kementerian akan terus memfokuskan kepada penanaman nangka J33," katanya selepas program tinjauan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Lanchang, di sini semalam.

Untuk rekod, tahun lalu negara mengeksport 266.5 tan nangka madu bernilai kira-kira RM799,500 ke negara Eropah dan Asia Tenggara.

Produk laici tempatan

Sementara itu, Salahuddin berkata, kementerian juga bercadang memperkenalkan produk buah laici tempatan menggunakan dua klon variasi rambutan, iaitu Mutiara Merah dan Mutiara Wangi yang diperkenalkan tahun lalu.



[FOTO ROSELAN AB MALEK/BH]

Salahuddin melihat tanaman nangka madu, J33 pada program tinjauan Taman Kekal Pengeluaran Makanan Lanchang, di Temerloh, semalam.

Terdahulu, Salahuddin dibawa melawat ladang nangka dan kolam ikan Suhan Movie yang dimiliki pengarah dan penerbit, Datuk Rosyam Nor, sebelum menghadiri sesi dialog bersama lebih 60 pemilik ladang TKPM itu.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan), Datuk Mohd Anim Hosnan.

TKPM diperkenal pada 2001 menerusi Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) untuk mentransformasikan sektor pertanian dengan menggalakkan projek pertanian berskala besar.

ECRL pacu sektor

TKPM Lanchang mempunyai kira-kira 80 pengusaha ladang membabitkan usahawan dan syarikat swasta.

Mengulas perkembangan

lain, Salahuddin optimis keputusan kerajaan menyambung semula projek mega Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dengan jajaran baharu akan membantu meningkatkan sektor pertanian di kawasan terbabit kerana hasil tani mudah diangkut ke ibu negara dan juga pelabuhan.

"Kita percaya aktiviti pertanian di kawasan terbabit khususnya negeri di Pantai Timur akan terus rancak," katanya.

Nilai pengeluaran TKPM Lanchang lepasi sasaran

TEMERLOH 16 April - Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Lanchang di sini memperoleh nilai pengeluaran sebanyak RM86.421 juta, melepasi sasaran sejak pengeluaran pertama tahun 2005 hingga akhir tahun lepas.

Menkerti Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, dalam tempoh itu sebanyak 50,370.93 metrik tan dihasilkan melalui pengeluaran tanaman buah-buahan tidak bermusim seperti nangka, betik, pisang dan nanas.

Beliau berkata, TKPM yang dibangunkan pada 2005 dengan peruntukan kerajaan Pusat sebanyak RM30.9 juta bertujuan mentransformasikan sektor pertanian berskala besar, komersial dan berteknologi tinggi.

"Hingga kini, sebanyak 72 TKPM dibangunkan di negara ini dan Lanchang merupakan kawasan pengeluaran buah-buahan terbesar dengan keluasan 3,600 hektar," katanya kepada pemberita selepas program turun padang ke TKPM itu hari ini.

Menurut Salahuddin, projek



SALAHUDDIN AYUB mencuba nangka Tekam Yellow (J33) ketika melawat ladang nangka di **Taman Kekal Pengeluaran Makanan Lanchang di Temerloh, Pahang** semalam. - **UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD**

TKPM Lanchang bukan sahaja mewujudkan sebuah taman kekal tetapi lebih utama mampu menjana sumber ekonomi

baharu sekali gus mengurangkan kebergantungan eksport. Kata beliau, varieti tanaman nangka utama di situ ialah

Tekam Yellow (J33) dan nangka jenis lain seperti Mastura (J37) dan Nangka Subang Chap Boy (J38) serta J39.

Headline	Perlu seimbang dalam keselamatan siber		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	17 Apr 2019	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E2	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	396 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,296
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,888



MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub (tengah) menunjukkan kualiti isi buah nangka sempena lawatan di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TPKM) Lanchang baru-baru ini. TPKM Lanchang merupakan kawasan pengeluaran buah-buahan terbesar negara dengan keluasan 3,600 hektar yang dikawal selia oleh Jabatan Pertanian Malaysia. Foto BERNAMA

Perlu seimbang dalam keselamatan siber

KUALA LUMPUR: Syarikat pemula niaga dalam bidang teknologi perlu memberikan keseimbangan terhadap pentingnya keselamatan siber, kata Kaspersky Lab.

Naib Presiden Jualan global Maxim Frolov berkata keselamatan siber perlu dilaksanakan dalam semua peringkat semasa pembangunan produk syarikat pemula niaga teknologi serta semasa mula melaksanakan dan melancarkan produk mereka ke pasaran.

"Nasihat saya, fahamilah asas keselamatan siber, tambah rakan kongsi yang memahami dan boleh menambah nilai mengenai fungsi sebenar, dan memilihnya (keselamatan siber) dalam operasi mereka," katanya kepada Bernama dalam temu bual baru-baru ini.

Frolov berkata keselamatan siber bukan sekadar mempunyai pelbagai lapisan keselamatan untuk penyelidikan dan reka bentuk, memandangkan pihak yang tidak bertanggungjawab

masih akan dapat mencari rahsia perniagaan, sedangkan keselamatan siberlah sebenarnya yang akan melindungi operasi masa depan mereka.

Beliau berkata apa yang perlu difahami oleh setiap syarikat pemula niaga ialah keselamatan dalam pasaran akan terus dicabar, dan Lab Kaspersky bersedia membantu dalam bentuk pendidikan universiti, yang semakin mendapat daya tarikan di rantau ini.

Pengarah Urusan APAC, Stephan Neumeier berkata kebanyakan syarikat pemula niaga mempunyai tahap keselamatan yang terhad atau tiada langsung.

"Kami bekerjasama dengan mereka sebagai rakan pengeluar peralatan asal (OEM), dan cuba mendidik bahawa suatu hari ia akan digodam dan menjejaskan jenama dan perniagaan," katanya.

Neumeier berkata penyelesaian keselamatan yang betul perlu disediakan sejak peringkat awal lagi, mungkin penyelesaian di peringkat OEM, yang lazimnya dilakukan oleh Kaspersky Lab. — Bernama

Headline	Food Bank ringankan kos sara hidup penduduk		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	17 Apr 2019	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	1097 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,590
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 10,771

Food Bank ringankan kos sara hidup penduduk

PROGRAM Food Bank Malaysia, yang bermatlamat meringankan kos sara hidup rakyat khususnya golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan penuntut institusi pengajian tinggi awam, sudah memulakan 85,489 penerima dari Ogos tahun lalu sehingga Mac 2019.


Ini antara inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pangguna (KPDNHEP) selepas ditajuk Diuk Seri Saifuddin Nasution Ismail hampir setahun lalu.

Program itu, yang dilancarkan secara rasmi pada 22 Disember 2018, menyasarkan kepada kebajikan.

gini juga digembleng beberapa pihak sebelum ini tetapi dalam skala kecil bagi membantu golongan berkehadapan dengan masalah kewangan. "Apabila KPDNHEP mengetahui usaha ini, pasti lebih mudah untuk mendapat kerjasama pasar raya besar, hotel dan sebagainya. Ini secara langsung memberi kelebihan kepada ramai pihak terbelat dan lebih ramai yang dapat dibantu," katanya kepada Bernama.

ziran makanan. "Ketika ini, penawaran tenaga kerja dengan peluang pekerjaan yang sesuai didapati kurang sepadan. Kita ada ramai graduan tetapi mereka tidak mendapat kerja yang sepatutnya kerana syarat mendapatkan pekerjaan adalah terlalu tinggi selain berbanding dengan bidang kelulusan mereka," katanya.

Sehubungan itu, kalanya, kerajaan boleh membina subside terbesar petrol yang dilihatnya sebagai satu kaedah baik namun memerlukan penailian menyeluruh sebelum dilaksanakan. "Penetapan kadar kelayakan agak sukar kerana pendapatan rakyat berubah-ubah. Pemanlauan di stesen petrol juga memerlukan semua unsur niaga dijalankan melalui e-payment atau sistem pengenalan diri



Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub (dua, kiri) menunjukkan kualiti isi buah nangka ketika melawat ladang nangka di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TPKM) Lanchang, Temerloh semalam. TPKM Lanchang merupakan kawasan pengeluaran buah-buahan terbesar negara dengan keluasan 3,600 hektar yang dikawal selia oleh Jabatan Pertanian Malaysia. -foto BERNAMA

makanan seperti roti, sayur dan buah-buahan dari beberapa pasar raya besar diagih kepada 188,354 keluarga isi rumah (KIR) di bawah paras garis kemiskinan di seluruh negara.

Dengan akses kepada bekalan makanan itu, mereka boleh menjimatkan perbelanjaan pembelian makanan, dan secara tidak langsung meningkatkan pendapatan boleh guna untuk perkara penting lain seperti pendidikan dan kesihatan.

Pelaksanaan program berkenaan juga dapat menyelamatkan 1,158 metric ton lebih makanan sejak ia dilaksanakan.

SELARAS BANTUAN

Bagi membantu lebih ramai golongan memerlukan, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengusaha Malaysia (Fomca) Mohd Yusoff Abdul Rahman berpendapat program murni itu wajar diperluaskan dengan KPDNHEP menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak terutama perubuhan bukan kerajaan (NGO) di seluruh negara.

"Ini merupakan usaha yang baik. Inisiatif seba-

ma. Bagi tujuan penambahbaikan, beliau berjanji program itu dapat diselaraskan bagi mengelak pertindihan bantuan sama kepada golongan sasaran.

Ini termasuklah kerjasama Kementerian dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pusat zakat di setiap negeri yang turut menghulur bantuan kepada golongan asnaf dan miskin.

"Melalui pelepasan dan data yang diperolehi daripada badan-badan terlibat, bantuan boleh dipegangkan selain memperluas jumlah penerima. Contohnya, Food Bank memberi bantuan makanan, JKJ dan pusat zakat pula boleh mengagih bantuan dalam bentuk pendidikan, kesihatan dan lain-lain," katanya.

KONSEP 'MESRA MANUSIA'

Penyarah Parniagaan Antarabangsa dan Firma Multinasional di Hiroshima City University, Jepun, Prof Madya Dr Nurhaizal Azam Arif pula melihat Program Food Bank Malaysia sebagai inisiatif yang sememangnya dapat meringankan beban mereka yang tidak mempunyai pekerjaan selain mengurangkan pamba-

Dengan akses kepada bekalan makanan itu, mereka boleh menjimatkan perbelanjaan pembelian makanan, dan secara tidak langsung meningkatkan pendapatan boleh guna untuk perkara penting lain seperti pendidikan dan kesihatan.

dalam program seumpama itu termasuk menjadikannya sebagai bahagian daripada aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Dilanya mekanisme lain yang sesuai dilaksanakan bagi membantu golongan memerlukan sekali gus mengurangkan bilangan B40, Nurhaizal Azam berkata untuk jangka masa pendek, sistem bancar bagi barangan asas sara hidup seperti pendidikan atau barangan sekolah boleh diperkenalkan.

"Bagi jangka masa panjang pula, kerajaan perlu melakukan perubahan terutama dalam aspek dasar ekonomi, industri dan pembangunan sosial rakyat selain sektor swasta mewujudkan pamba-

diubah kepada 'face recognition system'.

"Ini kerana pada masa ini sebanyak 90 peratus penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang layak menerima subsidi petrol terbesar menerima bantuan secara terus ke dalam akaun mereka.

Tambahnya, baki 10 peratus lagi kebanyakannya berada di kawasan pedalaman pula akan dibantu untuk pembelian akaun bank.

Dalam pada itu, Mohd Yusoff berkata tindakan kerajaan menetapkan harga siling petrol RON95 berharga RM2.08 se-liter bulan lepas juga merupakan komitmen dalam membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Melalui penetapan itu, had maksimum harga runcit pel-

rot RON95, yang sebelum ini ditetapkan pada paras RM2.20 se-liter, berkurangan sebanyak 12 sen.

Kerajaan menetapkan harga runcit RON95 dihadkan kepada RM2.08 se-liter walaupun harga minyak dunia meningkat lebih daripada itu, dan sekiranya harga minyak dunia berada di bawah paras tersebut, harga minyak petrol RON95 akan berada di bawah RM2.08.

RUANGAN SISI

Selain Program Food Bank Malaysia, KPDNHEP turut mengagih dan menyelaras usaha memperkasakan sistem e-dagang dan bayaran tanpa tunai di negara ini serta mengagih undang-undang dan menerima aduan pengguna berkenaan aduan pengagih.

KPDNHEP juga mencadangkan indeks pengukur kos sara hidup bagi menentukan kenaikan gaji lebih munasabah berdasarkan enam komponen utama yang menyumbang kepada beban hidup rakyat iaitu makanan, perumahan, kos utiliti, pengangkutan, kesihatan dan pendidikan.

Disunting oleh Nur-ul Alida Kamaludin - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

PPM tangkap nelayan Indonesia, rampas bot

PELABUHAN KLANG - Pasukan Polis Marin (PPM) menahan sebuah bot bersama nelayan warga asing menerusi Ops Gelora, di Pulau Ketam, di sini, semalam.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi PPM Pelabuhan Klang, Deputy Superintendan Khairuddin Jamal berkata, operasi kira-kira jam 11.30 pagi itu berjaya mengesan sebuah bot kelas A dalam keadaan mencurigakan.

Menurutnya, pemeriksaan kemudian menahan tiga warga Indonesia melibatkan seorang tekong serta dua awak-awak berusia 34

hingga 48 tahun.

"Semakan mendapati, ketiga-tiga warga asing ini gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah serta lesen bot.

"PPM telah bertindak merampas bot dengan peralatan seperti set GPS dan rawai serta kira-kira 10 kilogram ikan," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Beliau berkata, dianggarkan keseluruhan nilai rampasan bernilai RM45,100.

Katanya, siasatan masih dijalankan dan kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen.



PPM berjaya mengesan sebuah bot kelas A menerusi Ops Gelora dan menangkap tiga nelayan warga Indonesia, di perairan Pulau Ketam semalam.

Headline	Fishermen market to get rid of middlemen		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	17 Apr 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A4	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	415 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,220
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,660



农长：去除中介 价格实惠 续建渔民巴刹直销海产

【美丹 16 日讯】农业及农基工业部长沙拉胡丁说，政府计划继续兴建渔民巴刹，以去除中间人的手法增加市场销售，让渔民的海产可卖得更好的价钱，而消费者也能吃到实惠又新鲜的渔产。

他指出，目前全国有逾 124 间渔民巴刹，分布于

6 间，同时则有 60 个渔民码头，让渔民在捕鱼后直接出售给消费者。

他举例曾接获投诉，市场上某类每公斤 22 令吉的甘密鱼，辛苦讨海的渔民只从中获得平均 4 至 5 令吉，差距太大。

“若渔民捕鱼后直接到市

场去售卖，A 级甘密鱼可卖到每公斤 14 令吉，这可增加渔民收入。

“渔民巴刹获得不错的反应，主要是渔民捕鱼作业后，家庭成员也可以帮忙在巴刹售卖这些渔获，增加收入。我将与部门商讨，提升渔民巴刹的功能。”

沙拉胡丁昨日在美丹访问及在巴刹渔民巴刹与渔民交流后，在记者会这么谈。会上，他移交 8 万令吉拨款支票，作为改善巴刹渔民巴刹的经费。

漂白 C2 拖网执照

沙拉胡丁也指出，政府正进行 C2 拖网渔船执照换证程序，至今已有 400 张执照因涉及滥用而被取消。

他指出，目前很多国家已禁止拖网渔船的作业，我国正朝向这目标迈进，以保护海洋资源。



沙拉胡丁（右）在巴刹镇的渔民卖鱼，与民众讨价还价。

17/4/2019

SINAR
HARIAN

SENTRAL

22

PEMBETULAN

MERUJUK kepada kenyataan Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Roslan Bek Ahmad dalam berita bertajuk 'Empat polis terlibat pemerasan dikenal pasti' semalam, kenyataan itu sepatutnya dibaca pengadu diberi pilihan menguak bersalah atau membayar wang tunai RM15,000 untuk dibebaskan. - Editor

Permohonan lesen sampan khas diteiti

KUANTAN - Kementerian Perikanan dan Industri Asas Tani dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (PNK) akan meneliti permohonan nelayan untuk mendapatkan lesen sampan khas.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, hal ini termasuk isu permohonan pewarisan lesen daripada bapa kepada anak.

Menurutnya, dua perkara tersebut akan diberikan perhatian dalam usaha mempermudah permohonan nelayan yang terpaksa berdepan pelbagai birokrasi sebelum ini.

"Mengenai isu lesen, susulan permutihan dilakukan kerajaan terhadap nelayan yang tidak aktif tetapi menerima elaun sejak beberapa bulan lalu, nelayan yang benar-benar layak boleh permohonan semula.

"Proses permutihan ini membantu kita menggantikan dengan nelayan yang semangannya aktif. Syarat permohonan lesen sampan khas ialah turun ke laut selama 120 hari dalam setahun, dan

berusia maksimum 70 tahun. "Namun kalau umur lebih, masih boleh memohon asalkan mendapat pengesahan daripada ketua kampung. Kalau ikutan amalan sebelum ini, ada (lesen) yang dikeluarkan atas dasar fahaman atau sokongan kepada parti politik tertentu dan ini kita akan ubah," katanya.

Salahuddin berkata, permohonan lesen vesel termasuk lesen sampan sudah tidak dikeluarkan sejak 2002, namun Dasar Pindah Milik yang diperkenalkan pindah milik hanya kepada ahli keluarga yang bekerja sebagai nelayan tu-
len.

Status semasa Jabatan Perikanan dan Kementerian telah menerima dan memproses 5803 permohonan lesen sampan khas seluruh negara.

"Disebabkan sumber perikanan yang berkurang, kementerian menetapkan, permohonan lesen sampan ini diutamakan kepada pemohon yang telah melaksanakan aktiviti perikanan lebih dari 10 tahun dan perlu dapat penghasilan ketua kampung," katanya.

KUANTAN - Penyelesaian isu pencerobohan perairan negara oleh nelayan warga asing akan dibawa ke mesyuarat Kabinet dalam masa terdekat.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pelbagai pendekatan akan diambil termasuklah cadangan untuk melibatkan Kementerian Pertahanan yang boleh menampung kekangan aset Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Menurutnya, isu itu sudah sampai ke tahap maksimum dan beliau tidak sanggup lagi mendengar keluhan dan aduan warga nelayan yang berhadapan persaingan yang mengganggu pencerobohan nelayan asing di perairan negara.

"Saya melakukan lawatan rasmi serta sesi dialog bersama nelayan seluruh negara. Saya mendengar rungutan dan keluhan warga nelayan. Saya kasihan dan kita tidak boleh lagi berdiam diri.

"Kuasa APMM di bawah Kementerian Dalam Negeri dan kita peka terhadap kekangan Maritim yang tidak cukup aset untuk mengesang bot tunda nelayan asing justeru perlu campur tangan Kementerian Pertahanan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada program Ramah Mesra Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani bersama

Isu ceroboh perairan dibawa ke Kabinet



Salahuddin (kanan) diberi penerangan mengenai harga ikan ketika melawat Pasar Nelayan Balok di Kuantan, Kelantan.

Nelayan di Pasar Nelayan Balok, Kelantan.

Hadir sama Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Murnir Mohd Nawi dan Ketua Pengarah LKIM, Jamaluddin Othman.

Salahuddin berkata, turut diberi perhatian adalah isu bertubung elaun sara hidup nelayan sebanyak RM200 sebulan; pemberian subsidi petrol dan budi bicara memendekkan birokrasi dalam rantaian kuasa pemprosesan lesen.

Dalam lawatan kerja pertama beliau ke Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pahang itu, Salahuddin turut meninjau aktiviti pendaratan ikan di kompleks LKIM Kuantan sebelum berserta-rapan bersama nelayan setempat.

Beliau turut melawat Pasar

Borong dan Kilang Air Batu Nipmat dan melawat Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) Bunut Redang yang berkeluasan 107 ekar merangkumi 154 unit rumah.

Pada sidang media selepas itu, Salahuddin mengumumkan peruntukan RM180,000 akan disalurkan untuk penambahbaikan Pasar Nelayan Balok bagi menggalakkan sosioekonomi sektor perikanan negara.

Penambahbaikan ini katanya, akan memendekkan rantaian perjualan hasil laut sekali gus merencanakan pendaratan di pasar nelayan tersebut.

Menurutnya, ia bakal memberi faedah kepada 10 peniaga dan 300 pengunjung pasar tersebut.

Headline	Permohonan nelayan akan diteliti		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	17 Apr 2019	Color	Black/white
Section	NEWS	Circulation	40,000
Page No	34	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	142 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 909
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,726



Permohonan nelayan akan diteliti

KUANTAN - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (PNK) akan meneliti permohonan nelayan untuk mendapatkan lesen sampan khas.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, hal ini termasuk isu permohonan pewarisan lesen daripada bapa kepada anak.

Menurutnya, dua perkara tersebut akan diberikan perhatian dalam usaha mempermudah permohonan nelayan yang terpaksa berdepan pelbagai birokrasi sebelum ini.

"Mengenai isu lesen, susulan pemutihan dilakukan kerajaan terhadap nelayan yang tidak aktif tetapi menerima elaun sejak beberapa bulan lalu, nelayan yang benar-benar layak boleh permohonan semula.

"Proses pemutihan ini membantu kita menggantikan dengan nelayan yang sememangnya aktif. Syarat permohonan lesen sampan khas ialah turun ke laut selama 120 hari dalam setahun, dan berusia maksimum 70 tahun.

"Namun kalau umur lebih, masih boleh memohon asalkan mendapat pengesahan daripada ketua kampung. Kalau ikutkan amalan sebelum ini, ada (lesen) yang dikeluarkan atas dasar fahaman atau sokongan kepada parti politik tertentu dan ini kita akan ubah," katanya.

Salahuddin berkata, permohonan lesen vesel termasuk lesen sampan sudah tidak dikeluarkan sejak 2002, namun Dasar Pindah Milik yang diperkenalkan pindah milik hanya kepada ahli keluarga yang bekerja sebagai nelayan tulen.

Status semasa Jabatan Perikanan dan kementerian telah menerima dan memproses 5803 permohonan lesen sampan khas seluruh Malaysia.

"Disebabkan sumber perikanan yang berkurang, kementerian telah menetapkan permohonan lesen sampan ini dipertimbangkan dengan keutamaan diberikan kepada pemohon yang telah melaksanakan aktiviti perikanan lebih dari 10 tahun dan perlu dapat pengesahan ketua kampung," katanya.

Headline	Sokong bawa isu pencerobohan nelayan asing ke Kabinet		
MediaTitle	Sinar Harian (Pantai Timur)		
Date	17 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	40,000
Page No	18	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	253 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,726
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,178



Azman (dua, kiri) bersalaman bersama peserta Bengkel Pemurnian Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) Negeri Terengganu, di Akademi Perikanan Malaysia, Chendering, di sini, semalam.

Sokong bawa isu pencerobohan nelayan asing ke Kabinet

KUALA TERENGGANU – Terengganu menyokong langkah kerajaan untuk membawa isu pencerobohan perairan negara oleh nelayan warga asing ke mesyuarat Kabinet.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, satu langkah drastik perlu diambil bagi membanteras pencerobohan hasil laut oleh nelayan dari luar.

“Kita hargai peranan dimainkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dalam mengekang dan

membasmi pencerobohan, tetapi, kegiatan itu masih berlaku.

“Salah satu sebab ialah aset-aset yang digunakan mungkin telah berusia sehingga ada kapal marin di Terengganu yang telah berusia 50 tahun.

“Kekuatan yang ada tidak mencukupi, tidak sesuai dengan keluasan kawasan yang perlu kawal, misalnya bagi wilayah timur dari Tok Bali ke Kuantan, seluas 200,000 km persegi dengan hanya lima kapal,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Perasmian Bengkel Pemurnian Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Per-

ikanan Darat) Negeri Terengganu, di Akademi Perikanan Malaysia, Chendering, di sini, semalam.

Katanya, walaupun isu tersebut sudah berpuluh-tahun belum selesai, namun ia memerlukan langkah drastik.

Terdahulu, Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata isu pencerobohan nelayan asing akan dibawa ke mesyuarat Kabinet termasuk cadangan untuk melibatkan Kementerian Pertahanan bagi menampung kekangan aset Maritim.

Headline	Isu ceroboh perairan ke Kabinet		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	17 Apr 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	40,000
Page No	34	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	415 cm ²
Journalist	NOR KHALILAH GUSTI HASSAN	AdValue	RM 4,472
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,416



Isu ceroboh perairan ke Kabinet

Salahuddin tidak sanggup lagi mendengar keluhan dan aduan nelayan

NOR KHALILAH GUSTI HASSAN

KUANTAN

Penyelesaian isu pencerobohan perairan negara oleh nelayan warga asing akan dibawa ke mesyuarat Kabinet dalam masa terdekat.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pelbagai pendekatan akan diambil termasuklah cadangan kemungkinan untuk melibatkan Kementerian Pertahanan yang boleh menampung kekangan aset Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia).

Menurutnya, isu itu

sudah sampai ke tahap maksimum dan beliau tidak sanggup lagi mendengar keluhan dan aduan warga nelayan yang berhadapan persaingan dan terganggu dengan pencerobohan nelayan asing di perairan negara.

"Saya melakukan lawatan rasmi serta sesi dialog bersama nelayan seluruh negara. Saya mendengar rungutan dan keluhan warga nelayan. Saya kasihan dan kita tidak boleh lagi berdiam diri.

"Kuasa Maritim di bawah Kementerian Dalam Negeri dan kita peka terhadap kekangan Maritim yang tidak cukup aset untuk mengekang bot tunda nelayan asing, justeru perlu campur tangan Kementerian Pertahanan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam program Ramah Mesra Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia bersama Nelayan di Pasar Nelayan Balok, kelmarin.



Salahuddin (kanan) diberi penerangan mengenai harga ikan ketika melawat Pasar Nelayan Balok di Kuantan, semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawawi dan Ketua Pengarah LKIM, Jamaluddin Othman.

Salahuddin berkata, turut diberi perhatian adalah isu berhubung elau sara hidup nelayan sebanyak RM200 sebulan; pemberian subsidi petrol dan budi bicara memendekkan birokrasi dalam rantaian kuasa pemprosesan lesen.

Dalam lawatan kerja

pertama beliau ke Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pahang itu, Salahuddin turut meninjau aktiviti pendaratan ikan di kompleks LKIM Kuantan sebelum bersarapan bersama nelayan setempat.

Beliau turut melawat Pasar Borong dan Kilang Air Batu Nikmat dan melawat Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) Bunut Redang yang berkeluasan 43.30 hektar merang-

kumi 154 unit rumah.

Sementara itu, pada sidang media selepas itu, Salahuddin mengumumkan RM80,000 akan disalurkan untuk penambahbaikan Pasar Nelayan Balok bagi menggalakkan sosioekonomi sektor perikanan negara.

Penambahbaikan ini katanya akan memendekkan rantaian penjualan hasil laut sekali gus merancakkan pendaratan di pasar

info

Pelbagai pendekatan akan diambil termasuklah cadangan kemungkinan untuk melibatkan Kementerian Pertahanan yang boleh menampung kekangan aset Maritim Malaysia

nelayan tersebut.

Menurutnya ia bakal memberi faedah kepada 10 peniaga dan 300 pengunjung pasar tersebut.

"Pahang mempunyai enam pasar nelayan seluruh negeri dan daripada 121,210.82 tan metrik pendaratan ikan pada tahun 2018 di Pahang, 50 peratus adalah disumbangkan daerah Kuantan.

"Trend pendaratan ikan di Pahang juga meningkat 2.6 peratus dari 2017 ke 2018. Nelayan juga boleh menjual terus kepada pelanggan yang mana akan meningkatkan ekonomi mereka," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2019	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Mohd Amar: K'jaan negeri pertimbang wakil dalam Kada



Kerajaan Kelantan akan mempertimbangkan wakil untuk mengisi jawatan ahli lembaga pengarah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada).

Beliau berkata ia jika ada permintaan daripada Kada, yang merupakan sebuah agensi kerajaan persekutuan.

"Sebelum ini tak ada langsung (wakil kerajaan negeri), memang tak dibuka kepada kita. Kita pun tak hantariah.

"Kalau Kada minta kita akan pertimbangkan," katanya kepada

pemberita di Kota Bharu, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan pengerusi Kada yang baru dilantik, Husam Musa yang berkata lembaga itu setuju melantik wakil kerajaan negeri dalam lembaga pengarahnya.

Husam yang juga ahli Dewan Negara berkata idea itu daripada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Salahuddin Ayub.

"Sekarang ini lembaga pengarah Kada belum dibentuk. Saya sangat bersetuju dengan idea itu dan insyaAllah satu kunjung hormat menteri dan saya kepada menteri besar akan dilakukan bagi membincangkan isu berkaitan kepentingan petani-petani di Kelantan," katanya.

Sementara itu Mohd Amar mendakwa perkara itu sememangnya sudah termaktub dalam Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972.

"Setahu saya dalam Akta Kada, memang kena ada wakil negeri. Ini bukan satu tawaran (baru), sudah ada dalam peraturan.

"Jadi tak berbangkit soal dia tawar atau tidak," katanya yang juga naib presiden PAS.

Menurut Akta Kada 1972, lembaga pengarah terdiri daripada pengerusi, timbalan pengerusi, ketua pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, wakil Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, wakil Bank Pertanian Malaysia, wakil Lembaga

Padi dan Beras Negara, tiga wakil negeri dan tidak lebih daripada tiga orang ahli lain.

Pahang kaji syor eksport tempoyak

Kuantan: Kerajaan Pahang berhasrat mengeksport tempoyak bagi mempromosi dan memasarkan makanan tradisional itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata kerajaan negeri sedang mengkaji dan sudah mengemukakan cadangan pada mesyuarat Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dua bulan lalu dan kini dalam peringkat penelitian.

“Ketika mesyuarat itu, ECER memaklumkan budu dieksport mendapat permintaan tinggi dan saya juga meminta mereka untuk turut melakukan kajian sama bagi membolehkan tempoyak yang mungkin dihasilkan dalam bentuk tiub seperti budu.

“Jika ia berhasil, maka tempoyak akan turut dieksport ke luar negara tidak lama lagi,” katanya.

Wan Rosdy berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Mohd Fadil Osman (BN-Kemayan) pada sesi soal jawab persidangan penggal kedua Dewan Undangan Negeri di Wisma Sri Pahang di sini, semalam.

Hidangan bernilai tinggi

Sebelum itu, Mohd Fadil bertanyakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi, Datuk Seri Ir Mohd Soffi Abd Razak, berhubung cadangan sama ada kerajaan negeri berhasrat mengeksport masakan patin tempoyak ke luar negara.

Mohd Soffi menjelaskan, masakan tempoyak yang dahulunya hanya dimakan di kampung, kini sudah menjadi satu hidangan makanan bernilai tinggi.

“Jika dulu tempoyak dan ikan patin tidak ramai yang menggemarinya sebab dikatakan makanan orang hulu, kini ia menjadi kegemaran ramai khususnya mereka yang tinggal di Kuala Lumpur,” katanya.

17/4/2019

HARIAN
SETEMPAT
METRO

32

32

setempat

Siapa Lagi?**Tak sangka menang hadiah utama**

"Saya tidak menyangka akan memenangi hadiah utama kerana tidak pernah menyertai mana-mana peraduan sebelum ini."

"Alhamdulillah, walaupun baru beberapa bulan membuat cagaran saya terpilih memenangi hadiah istimewa ini," kata Zainatul Ashiqin

Mohammed Lazm, 37, yang merangkul hadiah utama sebuah kereta Proton Persona bernilai RM55,000 sempena peraduan Pos ArRahnu Persona Gold.

Zainatul Ashiqin yang bekerja sebagai pegawai operasi di sebuah agensi pekerja asing di Johor Bahru berkata, dia terkejut apabila dihubungi pihak Pos ArRahnu yang memaklumkan beliau terpilih memenangi hadiah utama.

Siapa Lagi?**Noh Hujan beraksi persembahan amal tabung Syria**

Kerinduan peminat kumpulan Hujan di negeri...

Siapa Lagi?

Mohd Hafiz Mesah

mohd hafiz@metro.com.my

Siapa Lagi?

Tiga pengarah syarikat pengeluaran telur ayam mengadu tidak bersah selepas dipanggil ke Mahkamah, semalam.

Bagaimanapun ketiga-tiga wakil syarikat terbabit menyangkut perumuhan yang dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Norma Ismail.

Mengikut perutusan yang dibacakan secara berasingan, Kok Chiew Heng mewakili LTK (Melaka) Sdn Bhd didakwa mencatur dalam penjualan sebiji telur ayam gred A sebanyak 17.46 peratus menyebabkan kenaikan peratusan margin dari 12.29 peratus kepada 29.75 peratus pada jam 11.15 pagi, 7 Mac lalu di premis LTK Melaka Sdn Bhd, Durian Tunggal, Alor Gajah.

Manakala Chong Jwo Tong yang mewakili syarikat Chong Yee Nam Sdn Bhd didakwa mencatur dalam penjualan sebiji telur ayam gred A sebanyak 12.86 peratus menyebabkan kenaikan peratusan dari 14.41 peratus kepada 27.27 peratus.

Kesalahan itu didakwa dilakukan pada jam 2.15 pe-



Tiga pengarah syarikat pengeluaran telur ayam mengadu tidak bersah selepas dipanggil ke Mahkamah, semalam.

Sorok telur ayam

Tiga pengarah syarikat nafi menaikkan harga melampau

Kesalahan itu didakwa dilakukan pada jam 2.30 petang, 13 Disember tahun lalu di premis terbabit di Jalan Lendu, Alor Gajah.

Bagi ketiga-tiga pertuduhan, mereka didakwa melakukan kesalahan mengikut Peraturan 3(a), Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (mekanisme untuk menentukan keuntungan trigi ti-

Prsiding dikedahkan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Hazri Hanun dan Mohammed Heikal Ismail manakala ketiga-tiga syarikat diwakili peguam Nاهدان Rengganathan Abdulrahman.

Norma menetapkan 16 Mei depan untuk tarikh sebutan semula bagi ketiga-tiga kes.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/4/2019	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Isu pencemaran najis babi selesai menjelang hujung tahun -Exco



Masalah pencemaran najis babi di beberapa kampung sekitar Tasek Gelugor, Pulau Pinang yang sudah berlarutan sejak 40 tahun lalu, dijangka selesai menjelang hujung tahun ini.

Exco Pembangunan Desa, Kesihatan, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Dr Afif Bahardin, berkata ini kerana pelaksanaan Enakmen Penternakan Babi 2016 sedang dilaksanakan kerajaan.

"Menjelang hujung tahun ini, semua penternakan babi wajib tukar kepada ladang tertutup.

"Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Jabatan Veterinar akan ambil tindakan tegas kepada mereka yang melakukan pencemaran," katanya kepada *Malaysiakini*.

Aff berkata demikian mengulas kenyataan Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) SM Mohamed Idris hari ini.

CAP dalam satu kenyataan berkata pencemaran najis babi berkenaan dilaporkan semakin memburuk dan didakwa mengancam kesihatan lebih 2,000 penduduk.

Menurut Mohamed Idris, keadaan itu terjadi apabila pengusaha ternakan babi didakwa mengalirkan sisa buangan najis ternakan mereka ke sungai di kawasan tersebut sehingga menyebabkan airnya menjadi hitam pekat dan berbau busuk.

Menurutnya, tinjauan CAP mendapati keadaan bertambah teruk pada waktu malam dan ketika hujan di mana lebih banyak sisa najis babi dilepaskan oleh pengusaha terbabit.

Masalah itu juga menyebabkan sumber bekalan air untuk tanaman padi yang diusahakan oleh para pesawah di beberapa kampung berdekatan tercemar dan mengalami kerosakan.

Idris berkata, selain di Kampung Selamat, sekurang-kurangnya 400 pesawah di kampung-kampung sekitar iaitu Kampung Air Melintas Kecil, Kampung Air Melintas Besar, Kampung Pematang Berangan, Kampung Tok Bedu dan Kampung Kubang Menerong turut terjejas.

Untuk rekod pada 2016, Aff berkata kerajaan negeri Pulau Pinang akan melaksanakan sistem ladang tertutup bagi penternakan babi di negeri itu.